

Nokia menang Anugerah MAID 2008

"Apabila diumumkan memenangi Anugerah Iklan Multimedia Terbaik, ia sudah menjadi begitu bermakna dan lebih membanggakan, Anugerah Khas Iklan Multimedia Terbaik Keseluruhan turut menjadi milik kami." *SH 21/63/08*

■ NORHAFIZA MUSA *pg. 15*

KUALA TERENGGANU – Kumpulan Nokia berjaya menerima Anugerah Khas Iklan Multimedia Terbaik Keseluruhan pada Malam Anugerah Iklan dan Dokumentari (MAID) 2008 anjuran Jabatan Pemasaran dan Jabatan Ekonomi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bertempat di Dewan Sultan Mizan.

Program yang julung kali diadakan ini mengetengahkan beberapa kategori iaitu, Kategori Dokumentari, Kategori Pembungkusan Terbaik, Iklan Terbaik dan Iklan Multimedia Terbaik serta Anugerah Iklan Multimedia Terbaik.

Menurut Ketua Kumpulan Nokia,

Thirumurugan a/l Nedumseliyan dari Jabatan Pemasaran, mereka tidak menyangka akan berjaya pada pertandingan itu dan mengakui banyak kelemahan yang perlu dibaiki lagi.

"Apabila diumumkan memenangi Anugerah Iklan Multimedia Terbaik, ia sudah menjadi begitu bermakna dan lebih membanggakan, Anugerah Khas Iklan Multimedia Terbaik Keseluruhan turut menjadi milik kami," ujarnya.

Katanya, ini ialah hadiah buat mereka yang berada pada Tahun Akhir dan diharapkan anggota kumpulan yang masih ada di sini akan meneruskan perjuangan itu.

Kumpulan itu memilih kehidupan Orang Asli sebagai latar belakang iklan dan ia berjaya mencuri perhatian juri.

Pembaziran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) oleh kumpulan Chantique Production memenangi Anugerah Dokumentari Terbaik Jabatan Pemasaran manakala bagi Anugerah Pembungkusan, Akhbar dan Iklan Multimedia Terbaik Jabatan Ekonomi disandang oleh kumpulan Dara Inn.

Ketua juri pada majlis anugerah ini yang merupakan pensyarah Jaba-



Kumpulan Nokia gembira setelah diumumkan sebagai pemenang pada Malam Anugerah Iklan dan Dokumentari (MAID) 2008 di Dewan Sultan Mizan, UMT, Kuala Terengganu.

tan Komunikasi Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Mahadi Abas berkata, mereka yang layak ke peringkat akhir menghasilkan produk setanding iklan

yang terdapat di televisyen.

"Hasil kreativiti lima kumpulan yang disenarai pendek, layak ditayangkan di media massa. Banyak idea yang

diketengahkan serta mempunyai tema bersesuaian sebab mengandungi unsur masyarakat, hiburan dan keasliannya," katanya.